



TEKS UCAPAN

**YANG BERTHORMAT
DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**PERASMIAN
KEJOHANAN SUKAN JKR (SURYA) SE-MALAYSIA
TAHUN 2022**

**TARIKH:
22 JULAI 2022**

**TEMPAT:
STADIUM EDUCITY, ISKANDAR PUTERI**

SALUTASI

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya, sekali lagi kita dapat menganjurkan Kejohanan Sukan JKR Se-Malaysia Tahun 2022. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada jawatankuasa penganjur kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Kejohanan Sukan JKR pada kali ini. Tahniah kepada JKR Negeri Johor di atas usaha, kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam menyusun atur serta menjayakan penganjuran kejohanan bagi tahun 2022.

2. Lebih menarik pada edisi kali ini, Kejohanan Sukan JKR Se-Malaysia telah dijenamakan kepada Kejohanan SURYA Se-Malaysia yang mana SURYA adalah singkatan bagi Sukan Jabatan Kerja Raya. Penjenamaan ini lebih segar dan sinonim dengan tema-tema sukan sedia ada di dalam negara seperti SUKMA, SUKIPT, MAKSAK dan sebagainya. Semoga Kejohanan SURYA Se-Malaysia kali ini, menjadi titik permulaan bagi satu anjakan baharu kepada program sukan jabatan. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

3. Bermula bulan April 2022, negara kita telah memasuki fasa peralihan ke endemik. Hal ini dapat dicapai susulan kejayaan program vaksinasi COVID-19 dan sistem perkhidmatan kesihatan yang berada pada tahap yang terkawal.

4. Alhamdulillah, melalui fasa peralihan ini, semua sektor telah dibuka dengan SOP yang lebih longgar. Berkat kesabaran dan kerjasama semua

pihak serta perancangan rapi yang dibuat, penganjuran Kejohanan SURYA Se-Malaysia dapat kembali diadakan. Kejohanan sukan seperti ini, saya percaya, dapat membentuk warga JKR menjadi insan yang lebih kompetitif, cemerlang, berdisiplin tinggi, sedia berkerjasama, mempunyai semangat daya juang yang tinggi dan sudah semestinya mempunyai matlamat untuk berjaya dalam setiap acara yang ditandingi.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-Puan sekalian.

5. Seperti semua sedia maklum, kita akan bersama-sama berkampung di Johor Bahru selama tiga (3) hari bermula 21 Julai 2022 sehingga 24 Julai 2022 bagi menjayakan Kejohanan SURYA Se-Malaysia 2022. Melihat kepada objektif utama penganjuran, ianya bukanlah semata-mata untuk mencari kejuaraan, tetapi kita jadikan kejohanan ini sebagai satu platform untuk membentuk kebersamaan dan semangat kerja berpasukan selain dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dalam JKR secara keseluruhannya. Kita wajar menterjemahkan elemen penting ini sebagai strategi terbaik dalam perkhidmatan seharian kita.

6. Marilah kita bersama-sama menerapkan konsep 'Keluarga Malaysia' dalam organisasi di Kementerian dan JKR. Konsep kekeluargaan mampu membentuk sikap keterbukaan dan merapatkan jurang dalam penyampaian perkhidmatan. Seharusnya semangat kebersamaan dan kerja berpasukan menjadi tonggak di dalam menggapai misi dan visi yang dirancang dengan sempurna. Sebagai sebuah keluarga, bekerja secara *silo* tidak lagi boleh digunapakai dalam perkhidmatan, lebih-lebih lagi sebagai sebuah agensi teknikal utama negara. Kita perlu bersama-sama berganding bahu untuk memastikan pelan strategik yang dirangka dapat dilaksanakan dengan sempurna. Inilah keluarga JKR, Semangat Keluarga Malaysia.

7. Untuk edisi kali ini saya difahamkan sebanyak lapan (8) acara sukan dipertandingkan. Antaranya sukan bola sepak, bola jaring, bola tampar, ping pong, badminton, bowling, sepak takraw dan sukan golf. Saya turut dimaklumkan, Kejohanan SURYA Se-Malaysia 2022 mendapat sambutan amat menggalakkan yang melibatkan penyertaan lebih 2,000 atlet dan pegawai sukan.

8. Saya percaya setiap pasukan telah pun membuat persiapan rapi dari pelbagai aspek sama ada ketahanan fizikal mahupun mental. Pada masa sama mempunyai tahap disiplin yang tinggi dengan meletakkan satu tanda aras untuk mencapai kemenangan. Sehubungan itu, saya mengharapkan semangat yang kental dan disiplin yang tinggi ini dapat dikekalkan dan diaplikasikan dalam perkhidmatan seharian kita kelak.

9. Saya pasti akan berlakunya persaingan hebat di antara para atlet untuk meraih pingat emas serta merangkul gelaran juara keseluruhan untuk edisi kali ini. Besar harapan saya semoga kejohanan yang dianjurkan ini dapat memupuk dan merapatkan lagi ukhuwah di kalangan warga kerja. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak penganjur.

10. Mengakhiri ucapan, saya ingin mengingatkan kepada semua kontinjen agar terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan untuk mencegah penularan wabak COVID-19. Sentiasa amalkan penjagaan kesihatan diri. Jika menyedari terdapat simptom-simptom jangkitan, laporkan kepada Jawatankuasa penganjur dengan segera. Bersama-sama kita menjaga keluarga JKR, keluarga kita.

11. Bertandinglah atas dasar semangat kesukanan, pupuk hubungan erat dan menjadi adat pertandingan menang dan kalah. Kepada semua ahli jawatankuasa penganjur, selamat bertugas saya ucapkan. Buat para atlet saya ucapkan selamat berjuang dan selamat maju jaya.

Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Kejohanan SURYA Se-Malaysia Edisi 2022.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.